

**UCAPAN
YBHG. DATO' JANA SANTHIRAN MUNIAYAN
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA PENGARAH PERBADANAN
ASET KERETAPI (RAC)**

**SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN
ANTARA PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DAN KUMPULAN
SUNWAY
BAGI PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT (TOD)
SEREMBAN SENTRAL**

Tarikh: 8 Mei 2025 (Khamis)

Tempat: Seri Negeri Ballroom 1, Hotel Royale Chulan, Seremban

Selamat Tengah Hari, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani.

**Yang Berhormat Loke Siew Fook,
Menteri Pengangkutan Malaysia,**

Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Sembilan,

**Yang Berhormat Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan
Tempatan Perumahan & Pengangkutan**

**Yang Berhormat Puan Nicole Tan Lee Koon
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian &
Kebudayaan**

Yang Berhormat Tuan Veerapan a/l Superamaniam

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi & Kepenggunaan

YBhg. Dato' Azhar Bin Ahmad,

Ketua Pegawai Eksekutif RAC,

YBhg. Tan Sri Sir Dr Jeffrey Cheah KBE, AO,

Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway,

YBhg. Dato' K.L. Tan,

Pengarah Urusan Kanan Kumpulan Sunway,

YBhg. Datuk Anuar Taib,

Timbalan Presiden Sunway Berhad,

Barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC,

Ketua-ketua jabatan kerajaan, wakil agensi persekutuan dan negeri,

Barisan pengurusan kanan Kumpulan Sunway,

Rakan-rakan media,

**Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,**

1. Terlebih dahulu, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana kita semua dapat berkumpul di Majlis Menandatangani Perjanjian antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Kumpulan Sunway bagi Projek Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Seremban Sentral.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Seremban, atas kesudian beliau hadir menyaksikan detik bersejarah ini yang menandakan satu lagi langkah penting dalam transformasi infrastruktur rel negara.
3. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada seluruh warga kerja RAC dan Kumpulan Sunway atas kerjasama dan komitmen dalam merealisasikan perjanjian ini. Majlis hari ini bukan sekadar memeterai dokumen, tetapi memeterai visi bersama ke arah pembangunan bandar yang lestari dan bersepadu.
4. Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, saya amat berbangga dengan inisiatif ini yang mencerminkan peranan aktif RAC bukan hanya sebagai pemilik dan pengurus aset kereta api negara, tetapi juga sebagai pemangkin pembangunan ekonomi, sosial dan mobiliti bandar melalui pemanfaatan aset rel secara strategik.
5. Tanah berkeluasan 20.8 ekar ini terletak di lokasi yang amat strategik di tengah-tengah bandar Seremban. Dengan termeterainya perjanjian hari ini, kita menyaksikan permulaan kepada sebuah pembangunan yang akan membawa perubahan menyeluruh — daripada aspek fizikal, ekonomi dan sosial.
6. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa, dengan Fasa 1 dijangka bermula dalam tempoh enam bulan dari tarikh perjanjian. Pembangunan akan merangkumi pelbagai komponen seperti kediaman, pusat perubatan, institusi pendidikan, ruang komersial, serta kemudahan sosial dan pengangkutan awam yang inklusif.
7. Lebih membanggakan, projek ini mengekalkan elemen warisan melalui integrasi bangunan Stesen Keretapi Seremban yang berusia lebih 100 tahun ke dalam reka bentuk keseluruhan pembangunan — satu pendekatan berjiwa yang menyeimbangkan antara kemajuan dan penghormatan terhadap sejarah.
8. Kami di RAC berharap agar projek ini menjadi model pembangunan berasaskan rel yang boleh diteladani – satu contoh bagaimana aset

awam dimanfaatkan secara optimum untuk kepentingan negara dan rakyat.

9. Dalam masa yang sama, saya ingin menyentuh tentang Projek Pemulihan Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 2 (KVDT2) yang kini sedang giat dilaksanakan oleh Dhaya Maju LTAT Sdn Bhd. Kami amat berharap projek ini dapat disiapkan mengikut jadual dan menyokong kesalinghubungan Seremban Sentral kelak.
10. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak – kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, sektor swasta dan masyarakat setempat – agar terus memberikan sokongan dan kerjasama untuk memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan projek ini.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat – khususnya Kementerian Pengangkutan, Kerajaan Negeri Sembilan, Kumpulan Sunway, agensi teknikal, Lembaga Pengarah dan seluruh warga kerja RAC – atas dedikasi dan usaha gigih anda semua.
12. Marilah kita bersama menjadikan pembangunan Seremban Sentral ini sebagai satu titik tolak kepada transformasi bandar dan rel negara ke arah masa depan yang lebih lestari, berdaya huni dan terhubung.

Sekian, terima kasih.